

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SUMBER DAN
KEMAJUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT**
Aras Bawah, 8 - 11 dan 13, Wisma Bandaraya,
Jalan Masjid Lama,
88000 KOTA KINABALU



Tel. No.: 088-288325, 088-288326, 088-288327 Faks No.: 088-269071

Rujukan Kami: KPSKTM/KIT: 100-44/2/3 JLD.18 (19)

Tarikh: 24 April 2018

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
Semua Presiden Majlis Perbandaran
Semua Ketua Kuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan

**PEKELILING KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SUMBER DAN KEMAJUAN
TEKNOLOGI MAKLUMAT BIL.1/2018 - PEMANTAUAN DAN
PENYALAHGUNAAN KEMUDAHAN RANGKAIAN SABAH.NET**

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeling ini adalah untuk memantapkan pemantauan dan mencegah penyalahgunaan kemudahan rangkaian Sabah.Net.
- 1.2 Pekeling ini adalah susulan kepada Surat Pekeling Perkhidmatan Kerajaan Negeri Sabah Bil. 1/2010 Penggunaan Perkhidmatan Sabah.Net.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Kerajaan Negeri telah menyediakan Sistem Rangkaian Sabah.Net sejak 1997, yang menjurus kepada kemudahan rangkaian intranet, capaian ke internet, emel, web-hosting, sistem sekuriti, sistem aplikasi dan sebagainya demi menyokong pelaksanaan Sistem Kerajaan Elektronik.
- 2.2 Kemudahan Sistem Rangkaian Sabah.Net adalah kritikal kepada penyampaian perkhidmatan dalam talian secara Intranet dan Internet yang kini merangkumi lebih daripada 500 lokasi di seluruh negeri. Justeru itu, prestasi dan keselamatan rangkaian adalah mustahak bagi kelancaran sistem-sistem aplikasi dalam talian, sistem komunikasi emel dan capaian laman web agensi.

**MEMBASMI DADAH TANGGUNGJAWAB BERSAMA
MARILAH BERTINDAK SEGERA**

3. LAPORAN PEMANTAUAN

- 3.1 Laporan Pemantauan Bulanan yang dilaksanakan oleh operator Sabah.Net sejak kebelakangan ini menunjukkan banyak penyalahgunaan terhadap rangkaian Sabah.Net dari aspek pengaksesan laman-laman web yang tidak berkaitan dengan tugas am penjawat awam, penggunaan perisian utiliti dan konfigurasi sistem yang tidak mematuhi piawaian.
- 3.2 Sekatan akses laman web secara berterusan menerusi *web content filtering*, telah banyak membantu dalam memastikan kelancaran pelaksanaan Sistem Rangkaian Sabah.Net. Oleh itu, penjawat awam tidak dibenarkan untuk mengakses laman web bukan rasmi terutamanya laman-laman web yang tiada kaitan dengan tugas penjawat awam.
- 3.3 *System Update* adalah satu aktiviti yang penting bagi memastikan sistem komputer sentiasa mutakhir dan bebas daripada risiko keselamatan. Oleh itu, konfigurasi pengemaskinian sistem komputer perlu dihalakan kepada *Windows System Update Server (WSUS)* setempat yang terdekat. Agensi Kerajaan Negeri boleh menghubungi pihak SabahNet atau pasukan teknikal Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri untuk bantuan dalam hal ini.

4. LARANGAN PERISIAN PROKSI

- 4.1 Sebagai langkah untuk memastikan keutuhan Sistem Rangkaian Sabah.Net, sebarang perisian yang berfungsi untuk memintas sistem keselamatan SabahNet seperti perisian proksi atau *virtual private network (VPN)* adalah dilarang sama sekali melainkan mendapat kebenaran daripada Ketua Pegawai Keselamatan ICT (CSO) dan melepasi audit keselamatan *sgCERT*.

5. PERISIAN ANTIVIRUS

- 5.1 Sistem komputer yang dihubungkan ke Sistem Rangkaian Sabah.Net adalah wajib dipasang dengan perisian antivirus TrendMicro. Perisian antivirus TrendMicro yang dipasang hanya dikemaskini secara setempat ke pelayan TrendMicro yang terdekat dengan agensi.
- 5.2 Sekiranya agensi mempunyai perisian antivirus selain daripada TrendMicro, kebenaran Kementerian Perumahan Sumber dan Kemajuan Teknologi haruslah diperolehi terlebih dahulu.

6. TINDAKAN TERHADAP PENYALAHGUNAAN DAN KETIDAKPATUHAN

6.1 Penjawat awam yang didapati menyalahgunakan kemudahan Sistem Rangkaian Sabah.Net akan dilaporkan kepada Ketua Agensi masing-masing untuk tindakan sewajarnya selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008.

7. TARIKH KUATKUASA


7.1 Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

8. PENUTUP

Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan tentang penggunaan mel elektronik dan Sistem Rangkaian Sabah.Net, sila berhubung terus dengan *Customer Service Department* di nombor telefon 088-234101. Perkhidmatan bantuan teknikal ini beroperasi 24 jam sehari.

Sekian, terima kasih.

MODAL INSAN DAN ICT PEMANGKIN TRANSFORMASI



BRUNO VUN
Setiausaha Tetap

s.k. Setiausaha Kerajaan Negeri
Tingkat 28, Blok A
Pusat Pentadbiran Negeri
KOTA KINABALU

Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 6 & 7, Blok A
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
KOTA KINABALU

Ketua Pegawai Eksekutif
Sabah Net Sdn. Bhd
1B, Ground Floor, Likas Square Commercial Centre
1, Lorong Likas Square, Jalan Istiadat Likas
88400 KOTA KINABALU